

21 JUN 2001

Umno-Muhyiddin

PAS HARUS JAWAB CABARAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata PAS harus menjawab secara bertulis cabaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perpecahan di kalangan orang Melayu yang berpunca daripada parti pembangkang itu.

"Orang Melayu telah diselewengkan oleh PAS hingga mereka lupa sejarah dan mengetepikan dasar-dasar kerajaan, maka wajar PAS menjawab tuduhan itu," katanya.

Jawapan bertulis PAS itu harus terangkan secara jelas dan terperinci jenis kerajaan yang dianggap oleh PAS tidak kafir dan tidak sekular yang parti itu ingin jadikan sistem pemerintahan negara ini.

Mengenai sama ada ucapan dasar Dr Mahathir selaku presiden Umno pada perhimpunan agung parti itu boleh diterima atau tidak oleh orang Melayu, beliau berkata, kandungan ucapan itu perlu difahami secara keseluruhan untuk mendapatkan maksud sebenar, bukan hanya sebahagian ucapan sahaja.

Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata, tindakan PAS memecah belahkan perpaduan juga telah menjumudkan pemikiran orang Melayu.

"Maka PAS wajib menjawab cabaran ini," katanya.

Sementara itu Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob meminta parti-parti pembangkang menghentikan amalan politik memfitnah yang telah memecah-belahkan orang Melayu.

Pembangkang juga tidak pernah mengiktiraf segala sumbangan kerajaan hingga menganggap dasar tertentu kerajaan bagi membantu rakyat merupakan amalan biasa di kalangan semua kerajaan.

-- BERNAMA

RZS ZS PR